

bah

Mahathir-bank

KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA TIDAK TERJEJAS. KATA PM

KOTA KINABALU, 3 April (Bernama) -- Kedudukan kewangan negara masih kukuh dan tidak terjejas walaupun Bank Negara kerugian berjumlah RM5,700 juta dalam urusan pertukaran mata wang asing pada tahun lepas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kerugian itu bukanlah sesuatu yang membimbangkan memandangkan bank pusat itu mencatat keuntungan sebelumnya.

"Kalau kita ambil kira tahun 1993 memang ada kerugian tetapi kalau kita lihat tahun-tahun yang lepas, ada masanya kita untung. Yang kita rugi itu sebenarnya keuntungan kita dulu," katanya pada persidangan akhbar di sini sebelum mengakhiri lawatan rasmi dua hari ke Sabah.

Beliau berkata jumlah keuntungan yang dibuat pada masa yang lepas adalah besar, dan kerana itulah negara kini mempunyai rizab melebihi RM70,000 juta.

Dr Mahathir berkata: "Kalau kita betul-betul rugi, tidak mungkin kita dapat mengadakan rizab sehingga lebih RM70,000 juta yang boleh menampung import selama lapan bulan". -- Lagi

▼03/04/17-26MS9

U GB 03-04 00129 BH530

bah

Mahathir-bank 2 Kota Kinabalu

Oleh itu, kedudukan kewangan negara tidak terjejas dengan kerugian yang dialami pada tahun 1993, katanya.

Semasa mengumumkan laporan Tahunan Bank Negara bagi tahun berakhir 31 Dis lepas, Gabenor Bank Negara Tan Sri Jaffar Hussein mengakui bertanggunjawab sepenuhnya terhadap kerugian itu yang berpunca daripada kesilapan pertimbangan dan tiada tindakan tepat memulihkannya.

Dr Mahathir berkata urusan pertukaran wang asing oleh Bank Negara bukanlah sentiasa rugi sepanjang masa.

Mengenai pengganti Jaffar yang permohonannya untuk bersara awal telah dilerima oleh kerajaan, Perdana Menteri berkata penggantinya belum diputuskan lagi.

Ketika ditanya sama ada kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menyalut kerugian itu, beliau berkata Kabinet belum membuat apa-apa keputusan sejak perkara itu diumumkan. -- Lagi

▼03/04/17-28MST

U GB 03-04 00121 BH536

bah

Mahathir-bank 3 Kota Kinabalu

Katanya Kabinet setakat ini belum mengadakan mesyuarat kerana beliau berada di luar negara.

Perdana Menteri sebelum ini berada di New Delhi, India untuk menghadiri sidang kemuncak Kumpulan 15 (G-15).

Mengenai kemungkinan kerajaan akan mengenakan tindakan terhadap pihak tertentu, Dr Mahathir berkata, sekiranya tindakan diambil, ia mestilah berasaskan keadilan.

"Kadang-kala apabila kita berniaga ada masa kita untung, ada masa kita rugi. Kalau kita pilih tahun kita rugi dan itu yang kita ambil tindakan dan tak kira pula bila kita untung, saya ingat itu tak adil juga.

"Jadi kita kena timbang sepanjang masa urusan ini dibuat oleh orang tertentu... apakah sepanjang masa untung," katanya.

Pada persidangan akhbar itu Perdana Menteri juga diajukan pertanyaan berhubung pentadbiran Sabah seperti kemungkinan bilangan anggota Kabinet negeri yang sedia ada ditambah.

Katanya kerajaan pusat sedia meneliti perkara itu jika perlu.

Ketika ini, Kabinet Sabah mempunyai sembilan anggota, termasuk Ketua Menteri. -- Bernama